

**ANALISIS KONSEP *SAMA'* DALAM TASAWUF DAN
KEPENTINGANNYA DALAM PEMBINAAN SOSIOLOGI
MASYARAKAT**

***AN ANALYSIS OF THE CONCEPT OF *SAMA'* IN SUFISM AND ITS
SIGNIFICANCE IN THE CONSTRUCTION OF SOCIETAL
SOCIOLOGY***

Nazerul Razif Abdul Kadir*

Pondok Tampin, Kampung Pauh, 73000 Tampin,
Negeri Sembilan, Malaysia.

Mohd Shafiq Sahimi

Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),
Persiaran Tun Dr. Ismail, 86400 Parit Raja, Johor, Malaysia.

Mohamad Faizal Abd Rahman

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
Bukit Chandan, 33000 Bandar DiRaja, Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: nazerulrazif@gmail.com*

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Abdul Kadir, N. R., Sahimi, M. S. & Abd Rahman, M. F. (2025). Analisis Konsep Sama' dalam Tasawuf dan Kepentingannya dalam Pembinaan Sosiologi Masyarakat. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 60-75.

ABSTRAK

Tarekat kesufian memberikan penekanan khusus kepada amalan zikir. Zikir merupakan amalan yang memberikan ketenangan dan menghidupkan hati bagi yang mengamalkannya. Amalan *sama'* merupakan salah satu kaedah zikir yang terdapat padanya syair-syair, nasyid atau qasidah yang dialunkan dengan suara yang merdu dan rentak yang mengasyikkan. Namun begitu, terdapat polemik tentang pengamalan majlis *sama'* yang dikatakan bertentangan dengan agama dan sebahagian pandangan menghukum haram secara mutlak. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis konsep *sama'* dalam tarekat kesufian melalui perbahasan para ulama tentang perkara tersebut dan kepentingannya dalam

pembinaan sosiologi masyarakat. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dalam pengumpulan data. Seterusnya, data dianalisis menggunakan analisis tekstual dan komparatif khususnya dalam perbincangan ulama mengenai hukum pengamalan majlis *sama'*. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan pandangan berkaitan hukum majlis *sama'* dari sudut keharusannya. Pengamalan majlis *sama'* diperbolehkan dengan syarat tidak bertentangan dengan syariat dan perlu dipatuhi beberapa adab-adab sepanjang majlis *sama'* dijalankan. Dalam pada itu, amalan *sama'* mempunyai kepentingannya terhadap pembinaan sosiologi masyarakat yang menekankan pada penyucian jiwa yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT sekaligus membentuk masyarakat yang berlandaskan ketaatan kepadaNya.

Kata kunci: analisis, *sama'*, tasawuf, sosiologi, masyarakat

ABSTRACT

Sufi orders place particular emphasis on the practice of dhikr (remembrance of God), which is considered a means to attain tranquility and to enliven the heart of its practitioners. The practice of sama' is one form of dhikr, involving the recitation of poetry, hymns, or qasidah delivered in melodious tones and engaging rhythms. However, there exists a polemic surrounding sama' gatherings, with some views condemning them as inherently contradictory to religious principles and declaring them unequivocally forbidden. This paper aims to analyze the concept of sama' within Sufi orders, exploring scholarly debates on the topic and its significance in shaping societal sociology. This qualitative study employs documentation as its primary data collection method. Subsequently, the data is analyzed through textual and comparative analysis, particularly focusing on scholarly discussions regarding the permissibility of sama' gatherings. The findings indicate a diversity of opinions concerning the legal status of sama', with permissibility often contingent upon adherence to certain conditions that align with sharia principles and observance of specific etiquette throughout the gatherings. Moreover, the practice of sama' holds significance for societal sociology by emphasizing the purification of the soul, aiming to bring individuals closer to Allah SWT, and fostering a community rooted in obedience to Him.

Keywords: analysis, *sama'*, sufism, sociology, society

1.0 PENGENALAN

Zikir merupakan salah satu amalan yang lazim dalam agama Islam. Menurut kamus besar Arab-Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (2014), zikir adalah mengingat, mendatangkan ataupun menyebutkan iaitu mengingat Allah SWT dengan menyebut nama-Nya. Amalan zikir dianggap salah satu kaedah yang esensi untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Perintah untuk berzikir banyak disebutkan dalam al-Quran dan hadith Nabi Muhammad SAW. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 191:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا ۖ وَقُعُودًا ۖ وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمٰوٰتِ
وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هٰذَا بَطِلًا ۖ سُبْحٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ۙ ١٩١

Maksudnya: “(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingat Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab Neraka.”

Fakhruddin al-Razi (1995) menafsirkan ayat ini sebagai dalil kepada zikir. Manusia tidak lari daripada tiga aspek perbuatan ini iaitu berdiri, duduk dan berbaring. Fakhruddin al-Razi menyatakan pada ayat ini menjelaskan berkenaan dengan zikir lisan dan boleh ditimbang juga sebagai zikir *qalbi* serta yang lebih sempurna padanya adalah dengan melakukan kedua-duanya sekali. Selain itu, Fakhruddin al-Razi juga menafsirkan makna ayat ini berkait rapat dengan ibadat solat kerana ibadat solat juga terdapat dengan tiga perbuatan ini. Daripada Abu Musa RA, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

مَثَلُ الَّذِي يَذْكُرُ رَبَّهُ وَالَّذِي لَا يَذْكُرُ رَبَّهُ مَثَلُ الْحَيِّ وَالْمَيِّتِ

Maksudnya: “Perumpamaan orang yang berzikir kepada Allah dan orang yang tidak berzikir kepada Allah seperti orang yang hidup dan mati.” (Riwayat al-Bukhari: 6407)

Walaupun kalimah zikir dalam al-Quran dan hadith diberikan pelbagai tafsiran oleh para ulama, namun ulama tasawuf mengertikan zikir dengan makna hakikat iaitu menyebut nama Allah SWT (Abdul Qadir Isa, 2010). Amalan tarekat kesufian ataupun ilmu tasawuf sangat sinonim dengan amalan zikir dan merupakan rukun dalam menuju Allah SWT (al-Qusyairi, 2011). Pada dasarnya, setiap ilmu yang dipelajari perlu disertai dengan amalan zikir kerana Allah SWT adalah sumber segala ilmu yang diberikan kepada manusia. Ilmu dan amal tidak boleh dipisahkan dan bertepatan dengan kaedah yang dibawa oleh Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya Ulumuddin* dengan menggabungkan proses ilmu dan amal (Al-Ghazali. t.t).

Majlis *sama*’ merupakan salah satu kaedah zikir yang terdapat padanya syair-syair, nasyid atau qasidah yang dialunkan dengan suara yang merdu dan rentak yang mengasyikkan, dengan syarat alunan tersebut tidak bercanggah ketentuan syarak (al-Qusyairi, 2011). Majlis *sama*’ dilakukan secara berkumpulan dan para peserta akan berzikir dalam keadaan berdiri serta dipimpin oleh seorang mursyid. Namun begitu, terdapat polemik tentang pengamalan majlis *sama*’ yang dikatakan bertentangan dengan agama dan sebahagian pandangan menghukum haram secara mutlak. Mantan Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Datuk Dr Zulkifli Al-Bakri menyatakan tarian zikir yang dilakukan oleh sebahagian manusia penuh dengan keadaan yang kurang baik. Sementelahan lagi, ia membawa kepada *tasyabbuh*

(penyerupaan) kepada penganut agama lain atau wanita dan kanak-kanak kecil begitu juga mencampur-adukkan antara maksiat dan ibadat. Lebih dibimbangi lagi, sudah ada unsur muzik yang dimasukkan sama yang banyak melalaikan hati ketika berzikir (Bayan Linnas, 2015). Perbezaan pandangan dalam kalangan ulama tentang perkara ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat awam khususnya di Malaysia. Lanjutan daripada itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis konsep *sama* dalam tarekat kesufian melalui perbincangan para ulama tentang perkara tersebut.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berasaskan kepada reka bentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi dengan merujuk kepada beberapa kitab-kitab tasawuf yang muktabar seperti *Ihyā' 'Ulum ad-Dīn*, *Siyarus Salikin*, *Futuhat Ilahiyah* dan beberapa kitab yang lain yang bersangkutan dengan perbincangan konsep *sama*. Seterusnya, data dianalisis menggunakan analisis tekstual dan komparatif khususnya dalam perbincangan ulama mengenai konsep *sama* dalam Tarekat Kesufian dari segi pengamalannya.

3.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Artikel ini menghasilkan beberapa dapatan kajian selaras dengan objektif kajian yang digariskan. Beberapa subtopik yang akan dibincangkan dalam dapatan kajian berkaitan *konsep sama*, pandangan ulama mengenainya dari sudut penerimaan dan penolakan tentang keharusannya serta analisis mengenai hukum pengamalan majlis *sama*.

3.1 Konsep Sama'

Sama di sisi ahli Tasawuf ialah salah satu latihan kerohanian yang membiasakannya oleh para murid untuk tujuan pembersihan penyucian rohani (Sayyid Ibn Idris, 2002). Majlis *sama* juga dikenali sebagai majlis hadrah. Manakala Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihyā' 'Ulum ad-Dīn* menyatakan bahawa *sama* membawa maksud mendengar suara yang baik yang mempunyai nazam tertentu yang dapat difahami seperti nasyid dan syair yang dapat membuatkan kebahagiaan hati. Menurut Syeikh Haji Abdul Raof (t.t.), majlis *sama* yang diwarisi oleh para ahli tasawuf adalah yang terkandung di dalamnya acara alunan bacaan al-Quran yang dibaca oleh Qari yang bersuara merdu, yang boleh menyentuh hati para pendengar dan terkesan di sanubari mereka, atau bacaan-bacaan yang dibenarkan oleh syarak seperti *Madih*, Selawat, Burdah, Nasyid dan Qasidah, majlis ilmu dan makrifah, bacaan kalam-kalam ahli *Irfan* yang menyedarkan akal dan roh para hadirin tentang kebenaran. Maka majlis *Sama* tidak semestinya disertai dengan alat-alat muzik.

Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (t.t.) dalam kitabnya *Siyarus Salikin* menjelaskan *Sama* adalah mendengar suara-suara yang baik yang tersusun dan difahami maknanya seperti nasyid, syair yang menggerakkan bagi kesukaan hati yang bertujuan untuk menggerakkan hati seseorang agar cinta dan kasih kepada

Allah SWT dan Rasulullah SAW. Amalan *sama* mempunyai intipati yang sama dengan zikir iaitu untuk mengingat Allah SWT. Antara dalil-dalil al-Quran dan hadith yang menunjukkan keharusan *sama* adalah:

Firman Allah SWT:

الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَاعِلِ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا أُولِي أَجْنَحَةٍ مِّثْنَى
وَتِلْكَ وَرُبُّكَ يُرِيدُ فِي الْخَلْقِ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ١

Maksudnya: *Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: Dua, tiga dan empat; Dia menambah pada bentuk kejadian makhluk yang diciptakanNya apa jua yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.* (Surah Al-Fatir: 1)

Dalam Hasyiah al-Sowi (2010), ayat (يُرِيدُ فِي الْخَلْقِ مَا يَشَاءُ) ditunjukkan kepada penciptaan malaikat, rupa bentuk mereka yang mempunyai sayap. Akan tetapi ayat ini juga ditujukan kepada semua makhluk Allah SWT terutamanya manusia yang dihiasi dengan rupa yang baik, suara yang baik dan lain-lain. Firman Allah SWT yang lain:

الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ وَأُولَئِكَ هُمْ
أُولُوا الْأَلْبَابِ ١٨

Maksudnya: *“Yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum agama); mereka itulah orang-orang yang diberi hidayat petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna.”* (Surah Al-Zumar, 18)

Dalam Hasyiah al-Sowi (2010), pada ayat (الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ) iaitu dengan mendengar perkara yang baik-baik dan menahan daripada mengatakan perkara yang keji-keji. Hadith Rasulullah SAW:

حدثنا قتيبة، أخبرنا أبو عوانة عن سماك بن حرب، عن عكرمة عن ابن عباس
إن من الشعر حكما قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :

Maksudnya: *“Telah memberi tahu kami Qutaibah, mengkhabarkan kami Abu Awanah dari Simak bin Harbi dari Ikrimah dari Ibnu Abbas*

berkata: *Berkata Rasulullah SAW: Sesungguhnya pada syair itu hikmah.*” (al-Tirmidhi, 2011)

Dalam hadits Rasulullah SAW yang lain:

حدثنا إسحاق بن منصور، أخبرنا عبد الرزاق، أخبرنا جعفر بن سليمان أخبرنا ثابت عن أنس أن النبي صلى الله عليه وسلم دخل مكة في عمرة القضاء وعبد الله بن رواحة بين يديه يمشى وهو يقول: خلوا بني الكفار عن سبيله * اليوم نضربكم على تنزيله ضربا يزيل الهام عن مقيله * ويذهل الخليل عن خليله فقال له عمر: يا ابن رواحة بين يدي رسول الله صلى الله عليه وسلم وفي حرم الله تقول الشعر؟ فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: خل عنه يا عمر فلهي أسرع فيهم من نضح النبل.

Maksudnya: “Telah berkata Ishak bin Mansur, telah memberitahu akan kami Abdul Razak, telah memberitahu akan kami Ja’far bin Sulaiman, telah memberitahu akan kami Tsabit dari Anas: Baginda Nabi SAW memasuki kota Mekah dalam melaksanakan ibadah umrah qadha dan Ibnu Rawahah berjalan di hadapan Baginda SAW dan mendeklamasikan syair: “Biarkan kaum kafir dengan jalannya. Hari ini kami akan memukul kalian dengan al-Quran yang diturunkan.” “Pukulan yang akan menghilangkan mimpi dari tempat tidurnya dan akan dilupakan seseorang daripada kekasihnya.” Saidina Umar berkata kepadanya: Wahai Ibnu Rawahah, di sisi Baginda Rasulullah SAW dan di tanah haram Allah SWT engkau mendeklamasikan syair!! Baginda Rasulullah SAW bersabda: Biarkanlah dia wahai Umar. Ungkapan dia itu lebih cepat terkesan di hati mereka daripada lemparan anak panah.” (al-Tirmidhi, 2011)

Nasyid atau qasidah yang dikarang adalah bertujuan untuk menambahkan rasa cinta kepada Allah SWT, Rasulullah SAW, para sahabat, tabi’in, dan mereka yang berada di atas petunjuk. Terdapat pelbagai qasidah-qasidah yang dikarang seperti *Maulid al-Barzanji*, *Maulid ad-Dibaie*, *Qasidah Burdah* dan lain-lain dengan tujuan untuk para pembaca serta pendengar menghayati kebesaran Allah SWT serta perjuangan Rasulullah SAW. Sebagai contoh, *Qasidah Burdah* yang disusun oleh al-Busiri, isi kandungannya dipenuhi dengan penceritaan mengenai kisah-kisah serta mukjizat Nabi Muhammad SAW.

Hati manusia sentiasa inginkan hiburan dan itu merupakan fitrah bagi manusia (Al-Ghazali, 2015). Hati manusia sentiasa ingin dihiburkan oleh sesuatu yang dapat membuatkan hati menjadi tenang. Oleh itu para ahli sufi mengharuskan amalan *sama’* ini sebagai satu usaha untuk menjinakkan hati manusia ke arah kecintaan

kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Sebagai contoh, analogi seorang kanak-kanak, apabila ia menangis maka ibunya akan menyanyikan lagu untuk meredakannya (al-Falimbani, t.t.). Analogi ini menunjukkan nyanyian lagu yang tidak ada manfaat adalah lebih baik digantikan dengan nyanyian yang boleh memberi bekas di dalam hati.

Majlis *sama'* merupakan sebuah majlis zikir yang dialunkan dalam bentuk syair arab atau dikenali sebagai qasidah. Pelbagai kaedah dalam tarekat kesufian mengamalkan amalan *sama'* ini. Antaranya, terdapat sebahagian daripada mereka yang mendengar *sama'* secara senyap sebagaimana yang diamalkan kebanyakan masyarakat di Tareem, Hadramaut (Al-munawwarah, 2014). Terdapat juga di kalangan mereka yang apabila mendengar *sama'* maka akan disertai dengan zikir *jahar* dan tarian seperti yang diamalkan di Syria, Mesir, Turki, Jordan dan negara arab yang lain.

Di Malaysia juga tidak ketinggalan dalam mengadakan majlis *sama'* ini. Pada tahun 2017, Pertubuhan Tarekat Muktabarah Malaysia (PERTAMA) telah mengadakan majlis *sama'* secara besar-besaran bertempat di Plenary Hall Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) bertarikh 28 Julai 2017. Program ini dihadiri oleh para alim ulama dari dalam dan luar negara. Sebelum program ini berlangsung, kertas kerja mengenai *sama'* telah dibentangkan oleh Tuan Guru Syeikh Abdul Raof bertempat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam usaha memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai amalan *sama'* yang merupakan amalan umat Islam yang telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW dan telah dibahaskan secara meluas di dalam kitab-kitab tasawuf (Malaysia, 2017). Pada majlis itu, Syeikh Ali Abdul Qader dijemput untuk memimpin halaqah zikir. Ini adalah salah satu usaha untuk memberi kefahaman kepada masyarakat Islam khususnya di Malaysia bahawasanya amalan *sama'* ini bukan satu amalan yang sesat tetapi merupakan amalan yang terdapat dalam agama Islam.

3.2 Pandangan Ulama Mengenai Keharusan *Sama'* Dan Tarian (Ruqas) Ketika Majlis Sama'

Imam al-Ghazali menyatakan bahawa mendengar suara yang baik itu diharuskan yang tertentu bagi membaca al-Quran jua tetapi diharuskan mendengar suara yang baik sama ada membaca al-Quran, syair, nasyid atau suara burung. Hal ini demikian kerana mendengar akan nasyid yang baik iramanya daripada syair itu terlebih aul dan tiada haram (al-Falimbani, t.t).

Di samping itu, bahawasannya tiada makruh mendengarkan *sama'* ketika majlis perkahwinan, majlis jamuan, ketika menyembelih akan akikah, ketika mengkhatakan kanak-kanak, ketika kanak-kanak mengkhatakan al-Quran dan lain-lain pada majlis yang hukumnya harus (al-Falimbani, t.t). Disyaratkan juga isi kandungan amalan *sama'* mestilah yang berbentuk keagamaan dan membawa tingkatnya keimanan dan bukannya amalan *sama'* yang penuh dengan pujian terhadap dunia, perempuan dan yang berkaitan dengannya (al-Falimbani, t.t). Perkara ini menunjukkan ilmu tarekat kesufian mementingkan syariat dalam pengamalannya. Oleh itu, syariat, tarekat, hakikat, dan makrifat tidak boleh dipisahkan sama sekali bahkan saling berkait antara satu sama lain. Al-Nawawi ketika mensyarahkan hadith ini:

حدثنا قتيبة بن سعيد الثقفي حدثنا ليث عن ابن الهاد عن يحنس مولى
مصعب بن الزبير عن أبي سعيد الخدري قال بينما نحن نسير مع رسول الله
ﷺ بالعرج إذ عرض شاعر ينشد، فقال رسول الله ﷺ: خذوا الشيطان أو
أمسكوا الشيطان لأن يمتلي جوف رجل قيحا خير له من أن يمتلي شعرا

Maksudnya: “Telah menceritakan kepada kami Qutaibah bin Saiz al-Tsaqafi, telah menceritakan kepada kami Laits dari Ibnu al-Had dari Yuhannas budak Mush’ab bin az-Zubair dari Abu Said al-Khudri dia berkata: Ketika kami sedang berjalan bersama-sama Rasulullah s.a.w di Arj, tiba-tiba datang seorang penyair bersyair, maka Rasulullah s.a.w bersabda: Tangkap syaitan itu! Sesungguhnya perut orang yang dipenuhi muntah lebih baik daripada perut yang penuh dengan syair.” (Muslim, 1997).

Imam al-Nawawi (1997) menyatakan bahawasanya sebahagian ulama mengharamkan syair secara mutlak melalui hadith ini. Tetapi ulama Kufah berkata bahawasanya bersyair itu harus selagi mana tidak ada perkataan yang buruk. Jika perkataannya baik, maka baiklah, jika jahat, maka jahatlah dan inilah pendapat yang baik. Ayat tersebut menjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW pernah mendengar syair yang dinyanyikan atau dilagukan di hadapannya, termasuk ketika dalam perjalanan (musafir). Amalan ini turut dilakukan oleh para khulafa dan sahabat-sahabat terkemuka, menunjukkan bahawa bernasyid atau mendendangkan syair bukanlah sesuatu yang dilarang dalam Islam secara mutlak, malah pernah berlaku dalam kehidupan Nabi dan para sahabat. Adapun mengenai hadith Rasulullah SAW menyatakan syaitan pada penyair seperti hadith di atas adalah kerana penyair itu seorang kafir ataupun syairnya dipenuhi perkataan-perkataan yang tidak baik (jahat) (al-Nawawi, 2004).

Ibnu Hajar al-Haitami (2014) pula berpandangan bahawasanya jika syair itu dilakukan tujuannya mengalakkan kebaikan serta membawa kepada membersihkan diri dan muraqabah kepada Allah SWT kemudian dapat musyahadahkan Tuhannya melalui mendengar nasyid, qasidah, madih dan lain-lain yang sama erti dengan *sama*’ maka perbuatan tersebut akan diberi pahala kepada yang menyampaikan dan yang mendengarkannya. Tetapi jika syair itu berbentuk fasik dan perkumpulan mereka itu dihidangi arak dan maksiat maka ditegah akannya dan hukumnya menjadi haram.

Seterusnya, Ibnu Ajibah menaqlikan daripada al-Sorqusti dalam kitabnya *Futuh al-ilahiah* menyatakan bagi manusia bahawasannya *sama*’ mempunyai perbhasan yang sangat mendalam dari segi hukum antara keharusannya dan keharamannya. Tetapi para ahli sufi terdapat pada hati mereka kesucian dan kewangian di hati mereka dan rahsia mereka. Maka demikian itu apabila ditanya kepada Junaid al-Baghdadi mengenai *sama*’ maka berkata beliau: “Setiap yang menghimpunkan hati dengan Allah SWT maka hukumnya harus”. Kemudian al-Samarqandi menyebutkan khilaf iaitu disisi para ulama Iraq berkata mereka dengan

haram hukumnya dan berkata sedemikian juga adalah para hanafiah dan mereka yang mengikutinya. Para ulama Hijjaz pula berkata keharusan mendengar *sama'* atau mereka mendiadakan diri dari menghukum. Kalangan yang lain yang berpandangan dengan pandangan ini ialah Imam Malik dan Imam Syafi'e serta yang mengikut pendapat mereka berdua.

Terdapat riwayat daripada Abu Mus'ab sesungguhnya Imam Malik apabila ditannya mengenai *sama'* maka beliau berkata: "Tidak pernah sampai kepadaku pada *sama'* sesuatu melainkan para ahli ilmu di negara kami tidak mengingkarinya. Ibnu Ajibah menyatakan hukum *sama'* adalah harus (Ibnu Ajibah, 2000).

Dalam pada itu, antara perkara lain yang dibincangkan mengenai tarian (*Ruqas*) ketika Majlis *Sama'* dari sudut keharusannya. Terdapat pelbagai sandaran dalil daripada al-Quran dan hadith Rasulullah SAW yang mengharuskan perbuatan tersebut. Firman Allah SWT dalam surah al-Imran ayat 191:

Maksudnya: *(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab Neraka.* (Surah Ali Imran: 191)

Imam al-Suyuthi berhujah menggunakan ayat ini sebagai keharusan bagi mereka berzikir menari sepertimana disebutkan dalam kitab beliau *Hawi al-Fatawi* iaitu:

Masalah: Berkenaan satu jemaah ahli sufiyah, berhimpun di majlis zikir, kemudian bangun seorang dari ahli jemaah dalam keadaan berzikir, sentiasa begitu disebabkan warid yang didapatinya. Adakah boleh dia melakukan begitu, sama ada dengan ikhtiarnya sendiri berlaku begitu atau tidak, adakah perlu ada orang yang menahannya dan melarangnya daripada berbuat begitu?

Jawab al-Suyuthi: Tiada keperluan mengingkarinya pada perbuatan begitu. Sesungguhnya telah ditanya dengan soalan tersebut kepada Syeikhul Islam Sirajuddin al-Bulqini, maka beliau menjawab "Bahawa tidak diingkari pada perbuatan lelaki tersebut, tiada hak seseorang penegah menegah sesiapa yang sengaja berbuat begitu, dan tidak lazim ta'zir sebab sengaja berbuat begitu. Masalah ini telah ditanya kepada al-Allamah Burhanduddin al-Anbaasi, maka beliau menjawab seperti itu juga dan beliau menambah lagi: Bahawa seseorang yang mempunyai "*hal*" *maghlub* (keadaannya yang dikalahkan) oleh halnya, sedangkan orang-orang yang ingkar akan diharamkan dari merasai kelazatan tawajud dan kebersihan minuman hingga akhir jawapannya: Kesimpulannya: Maka yang selamat adalah mentaslimkan (menyerahkan fahaman) keadaan mereka kepada mereka sendiri (*al-qaum*). Sebahagian Imam-imam Hanafiah menjawab begitu juga. Golongan Maliki semuanya menulis berkenaan persoalan ini dengan jawapan yang sama tanpa bercanggah.

Aku berkata iaitu al-Suyuthi: Bagaimana boleh diingkarkan zikir cara berdiri dan orang yang berdiri berzikir? Sedangkan sesungguhnya Allah SWT telah berfirman mereka yang berzikir kepada Allah SWT dalam keadaan berdiri, duduk

dan atas lambung mereka sambil baring. Daripada Siti Aisyah r.a telah berkata yang mafhumnya: “*Adalah Nabi SAW berzikir kepada Allah SWT pada setiap keadaannya*”.

Jikalau dihipunkan pada zikir dalam keadaan berdiri sambil menari dan seumpamanya, maka tidak boleh diingkari pada perbuatan mereka itu. Berlakunya sedemikian kerana sebab kelazatan *shuyud* atau *wujdan*. Sesungguhnya terdapat dalam satu riwayat pernah diceritakan bahawa Jaafar bin Abi Talib r.a (sepupu Rasulullah SAW), pernah menari-nari melenggok lentuk di hadapan Rasulullah SAW sebaik sahaja beliau mendengar Rasulullah SAW menyebut kepada beliau, “Allah menjadikan rupa parasmu seiras dengan Allah SWT menciptakan daku.” Mendengar kata-kata yang seindah dan semurni itu, terus ditakbirkan dengan menari-nari di hadapan Rasulullah SAW. Tingkah laku beliau itu tidak ditegah atau ditegur oleh Rasulullah SAW.

Jelaslah bahawa, riwayat ini menjadi sandaran pada keharusan *ruqas* disisi ahli sufi. Selain itu, sesungguhnya telah sahih berdiri dan menari dalam majlis zikir dan *sama'*, dikalangan segolongan imam-imam, salah-seorang daripada mereka ialah Syeikhul al-Islam Izzuddin bin Abdis salam. Penytan di atas menunjukkan terdapat tiga dalil asas keharusan tarian dalam majlis zikir, menurut al-Suyuthi dalam kitab *Hawi al-Fatawi* iaitu sumber al-Quran, hadith pujian Nabi SAW kepada Sayyidina Ja'far r.a. dan *taqrir* serta pengakuan dari ulamak-ulama besar Islam (Al-Suyuthi, 2010).

Ibnu Hajar al-Haitami dalam fatwanya juga mengharuskan amalan *ruqas* (tarian) berdasarkan hadith golongan habshah menari di masjid Nabi SAW. Begitu juga pandangan Ahmad Zaini Dahlan salah seorang alim bermazhab Syafie dan bertarekat Ba'lawi apabila ditanya kepadanya mengenai amalan tarian ini maka beliau menjawab bahawasannya masalah *tawwajud* ataupun dikenali sebagai *ruqas* (tarian) yang dilakukan kebanyakan para ahli sufi ini terdapat khilaf dalam kalangan ulama mengenai perkara tersebut. Ada sebahagian mereka yang mengharamkan dengan pengharaman yang keras dan sebahagian mereka mengkufurkan perbuatan tersebut (Al-Kattani, t.t).

Walau bagaimanapun, kebanyakan ulama yang *muhaqiq* mengharuskan perbuatan tersebut dengan syarat seseorang itu bukanlah dalam keadaan takabbur, atau dalam keadaan lenggang-lenggok seperti kebanyakan yang dilakukan oleh golongan fasik (seperti tarian di kelab-kelab malam, pusat maksiat dan selainnya yang jelas bercanggah dengan agama). Beliau juga telah menaqalkan keharusan amalan tarian ini daripada para ulama lain iaitu (Al-Kattani, t.t).

Al-alammah Ramli Hanafi di dalam fatawanya mengatakan bahawasannya perbuatan tarian ketika *sama'* ini hukumnya harus berdalilkan hadith Ja'far dan kisah kaum Habshah seterusnya beliau menyatakan tidak harus mengkritik ke atas para ahli sufi serta tidak diingkarkan terhadap perbuatan mereka itu. Hal ini demikian kerana terdapat hadith yang maksudnya: “*Barangsiapa yang mengkafirkan seseorang muslim, maka sesungguhnya ia kafir. Sesiapa yang meggharamkan yang halal maka dia memohon azab.*” Dinaqalkan daripada Izzudin Abdul Salam iaitu Sultanul Ulama menyatakan akan keharusan tarian di dalam majlis *sama'* kerana padanya terdapat peringatan mengenai akhirat serta sunat hukumnya. Hakikat yang terdapat pada amalan kaum sufi adalah tidak diingkarkan perbuatan mereka itu melainkan mereka yang jahil (Al-Kattani, t.t).

Dalam pada itu, al-Manawi menyebut dalam kitab *Tobaqat al-Auliya* ketika mensyarahkan biodata Imam Ahmad bin Hambal. Dikatakan kepada Ahmad: Sesungguhnya terdapat satu kaum apabila mereka mendengar akan zikir mereka berdiri dan menari maka jawab Imam Ahmad: “Biarkan mereka bergembira dengan Tuhan mereka. Maka diambil hukum bahawasannya Imam Ahmad juga menyebut akan keharusan berbuat begitu” (Al-Kattani, t.t).

Jelaslah bahawa jika diperhatikan kesemua pandangan ulama, maka dapat disimpulkan bahawasannya menghukumkan seseorang sebagai kafir atau mengharamkan perbuatan menari semasa majlis zikir atau *sama'* adalah bertentangan dengan pandangan majoriti ulama. Tidak sepatutnya dihukum secara mutlak bahawa perbuatan itu haram atau kafir. Barangsiapa yang mengkafirkan seorang Islam tanpa uzur dan mentakwil sesuatu perbuatan maka jadi kafir dan wajib diperbaharui keislamannya (Al-Kattani, t.t).

Tarian (*Ruqas*) mempunyai perbezaan pandangan antara ulama tasawwuf dan ulama zahir. Hukum asal pada tarian adalah harus. Kerana tiada warid pada syarak akan keharamannya. Maka zahir syarak menunjukkan akan keharusannya (Ibnu Ajibah, 2000). Berkata Ibnu Ajibah: Sesungguhnya imam-imam mazhab mengharamkannya disebabkan padanya disertai dengan perkara-perkara yang dilakukan oleh golongan fasik iaitu pencampuran antara lelaki dan perempuan, serta alat-alat muzik yang diharamkan. Ini berdasarkan kaedah usul Fiqah: Illah beredar menurut ma'lulnya, pada ada dan tiada (Ibnu Ajibah, 2000). Secara kesimpulannya hukum tarian terbahagi tiga bahagian iaitu haram, harus dan dituntut (dianjurkan).

Hukum haram terhadap tarian bermaksud tarian yang dilakukan oleh orang-orang awam dengan adanya percampuran lelaki dan perempuan. Maka perkara tersebut jelas pengharamannya, kerana membawa kepada kerosakan akhlak serta membangkitkan tabiat-tabiat keji dan nafsu-nafsu kesyaitanan. Lain daripada itu, termasuk juga dalam kategori haram apabila tarian di dalam majlis *sama'* tidak bercirikan seperti yang disebut sebelum ini tetapi hanya bertujuan menunjuk-nunjuk seperti berpura-pura mabuk dalam zikir sedangkan hatinya lalai. Maka hukumnya haram jika berlaku perkara sedemikian (Ibnu Ajibah, 2000).

Hukum harus pada tarian yang dibuat oleh orang-orang soleh dan ahli tasawuf ketika tiada rasa *zauqi*. Mereka melakukan sedemikian dengan tujuan merehatkan lelah dalam diri dan untuk menyemarakkan kerajinan hati mereka. Hukum harus perlu disyaratkan ketika majlis dijalankan, tempat dan para hadirin tiada percampuran lelaki dan perempuan. Maka hukumnya harus kerana tiada perkara yang membawa kepada pengharamannya (Ibnu Ajibah, 2000).

Akhir sekali, perbuatan ini menjadi perkara yang dituntut ketika tarian para ahli sufi iaitu ahli *zauq* dan *hal*. Junaid al-Baghdadi pernah ditanya mengenai *sama'* maka beliau berkata: *Setiap sesuatu yang menghimpunkan hamba dengan Tuhannya maka ia harus*. Telah sabit bahawasannya berdiri dan menari pada majlis zikir dan *sama'* telah dilakukan oleh para ulama seperti Izzudin bin Abdul Salam (Ibnu Ajibah, 2000).

3.3 Pandangan Mereka Yang Menolak Keharusan *Sama'* Dan Tarian Ketika *Sama'*

Dalam membincangkan keharusan amalan *sama'* dan tarian ketika *sama'*, terdapat juga sebahagian ulama yang menolak keharusan tersebut. Malah terdapat sebahagian ulama yang mengharamkan amalan *sama'* dan tarian, serta menghukumkannya sebagai bid'ah. Mereka juga berpendapat bahawa golongan sufi adalah sesat dan menyimpang dari ajaran Islam.

Misalnya, Qadhi Abu Topyib al-Tobari antara ulama yang mengatakan amalan ini sesat. Ketika ditanya kepada beliau mengenai amalan *sama'* para ahli sufi, beliau mengatakan bahawasanya kumpulan sufi ini menyimpang daripada jemaah muslimin. Mereka menjadikan nyanyian sebagai agama dan ketaatan kerana beliau telah melihat iklan-iklan majlis nyanyian para ahli sufi di masjid-masjid (Maktabah Sahab, 2004).

Al-Turtusi ditanya mengenai satu kaum dimana mereka berhimpun membaca sesuatu daripada ayat al-Quran kemudian bernasyid daripada syair-syair yang tertentu kemudian mereka menari dan memukul gendang. Adakah halal untuk menghadiri majlis mereka? Maka beliau menjawab bahawasanya mazhab para ahli sufi ini jahil, sesat, dan tidak ada dalam ajaran Islam melainkan mengikut petunjuk al-Quran dan sunah Nabi Muhammad SAW. Adapun tarian maka yang memulakannya adalah daripada mereka kaum Samiri di mana mereka mengambil jasad lembu dan menari mengelilingi lembu tersebut (Maktabah Sahab, 2004).

Sementara itu, Al-Syatibi juga ditanya mengenai kaum sufi yang berhimpun berzikir dengan suara kuat kemudian mereka menyanyi sambil menari? Beliau menjawab bahawasannya semua perbuatan itu bid'ah yang menyalahi jalan Rasulullah SAW dan jalan para sahabat serta para tabi'in. Begitu juga dengan Ibnu Qayyim juga mengatakan perbuatan *sama'* ini haram kerana boleh mencederakan akal (Maktabah Sahab, 2004).

3.4 Analisis Hukum *Sama'*

Permasalahan *sama'* ini mempunyai perbezaan pandangan dalam kalangan ulama. Jika dilihat daripada pendapat yang menyatakan haram, pengharaman yang disebut oleh para ulama tersebut mempunyai sebab kerana terdapat sebahagian daripada kaum sufi yang melampau di dalam zikir sehingga menyebabkan mereka menjadikan nyanyian itu sebagai kewajipan dan berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan.

Adapun mengenai masalah kaum Samiri, perbuatan yang mereka lakukan seperti menyanyi dan menyembah lembu adalah jelas bercanggah dengan ajaran Islam (Ibnu Ajibah, 2000). Manakala amalan *sama'* yang dilakukan oleh para ahli sufi tidak ada unsur penyembahan, syirik, dan perkara-perkara yang bercanggah dengan syariat Islam. Bahkan amalan *sama'* dilakukan bertujuan untuk menambah keimanan seseorang dengan mendengar segala nasyid, syair, zikir, dan perkara-perkara yang membawa kasih kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Secara keseluruhan, ulama-ulama seperti Imam al-Ghazali, al-Suyuthi dan Imam al-Nawawi mengharuskan amalan *sama'* dengan syarat-syarat tertentu (al-Falimbani, t,t)(Al-Suyuthi, 2010)(Al-Nawawi, 1997). Antaranya, amalan *sama'*

tersebut tidak boleh mengandung unsur-unsur yang boleh melalaikan dan memastikan tiada percampuran antara lelaki dan perempuan. Selain itu, adab-adab juga perlu dijadikan keutamaan semasa majlis *sama'* dijalankan seperti:

- i. Mempunyai Syeikh yang membimbing mereka ke jalan yang betul dan menunjukkan jalan yang sebenar supaya mereka tidak terjerumus ke lembah hawa nafsu ketika majlis sama dijalankan (Jabatan Mufti, 2007).
- ii. Meninggalkan perbuatan mengumpat, mengadu domba, dan sebagainya kerana di dalam majlis *sama'* ialah mendengar rangkap-rangkap syair dan pengajaran yang disampaikan oleh orang soleh sehingga tersentuh perasaan dalam kesedihan dan tangisan. Dengan itu jiwanya akan terbangun dan sedar daripada kelalaian (Jabatan Mufti, 2007).
- iii. Tidak ada percampuran lelaki dan perempuan serta tidak menggunakan alat-alat muzik yang diharamkan syarak (Ibnu Ajibah, 2000).
- iv. Apabila berdiri seseorang pada majlis *sama'* itu kerana asyik akan Allah SWT dan bukan disebabkan perasaan riya' maka sayugia bagi mereka yang hadir muafakah akan dia iaitu tidak membantah perbuatan tersebut (al-Falimbani, t,t).
- v. Jika menari orang yang mendengar *sama'* itu maka perkara itu harus (al-Falimbani, t,t).

3.5 Kepentingan Konsep *Sama'* dalam Tasawuf terhadap Pembinaan Sosiologi Masyarakat

Sosiologi merupakan disiplin ilmu yang mengkaji mengenai manusia dalam interaksinya dengan persekitaran yang melingkunginya atau kajian mengenai manusia dalam perhubungan kelompoknya (Ab. Majid, M. K., 1996). Sosiologi mencakupi pelbagai aspek kehidupan sosial seperti institusi, kumpulan, organisasi dan hubungan antara individu serta struktur sosial yang lebih luas.

Dapatan kajian menunjukkan sosiologi dan konsep *sama'* dalam tasawuf boleh dikaitkan dalam pelbagai bentuk dari sudut kepentingannya iaitu kehidupan individu dan masyarakat. Antara kepentingan adalah pembinaan identiti sosial yang terbentuk melalui proses pembelajaran dan pengamalan di bawah bimbingan seorang mursyid atau guru. Bimbingan seorang mursyid akan membantu individu untuk menemukan makna dalam hidup melalui konteks sosial bagi memperkuat pembentukan peribadi dan kesejahteraan mental. Di samping itu, majlis *sama'* juga membentuk satu komuniti masyarakat yang saling mendukung antara satu sama lain melalui nilai-nilai pengamalan dalam majlis tersebut seterusnya mewujudkan kestabilan sosial. Kesannya, masyarakat yang harmoni dapat dibina melalui tujuan yang sama iaitu penyucian rohani dan menambahkan rasa cinta kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Selain itu, amalan *sama'* berkait rapat dengan pengamalan tasawuf yang akan menjadi pengaruh terhadap pembentukan norma dan nilai sosial yang dapat memandu perilaku sesebuah masyarakat. Pembentukan ini sekaligus akan membentuk masyarakat yang berkasih sayang antara satu sama lain, hidup dalam kesederhanaan, kebersamaan dan akan meningkatkan kualiti hidup sosial secara

keseluruhan. Kesannya, melalui ajaran tasawuf akan membentuk keseimbangan sosial dan mengurugi konflik dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, setiap perkara ini menunjukkan melalui amalan *sama'* dalam tasawuf dapat memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pemahaman, pengurusan kehidupan sosial serta menjadi pendorong dalam membangunkan masyarakat yang lebih seimbang, harmoni dan beretika.

4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, amalan *sama'* merupakan salah satu kaedah zikir ulama menghukum harus pengamalannya selagi mana tidak bertentangan dengan syariat. Para ulama sufi membenarkan pengamalan amalan *sama'* sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri dan menunjukkan cinta kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Selain itu, amalan *sama'* ini juga dapat memberi manfaat kepada ketenangan hati, meningkatkan keimanan, dan membantu individu dalam perjalanan tasawuf. Antara perkara penting yang perlu dijaga semasa majlis *sama'* dilaksanakan adalah tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh melalaikan dan memastikan tiada percampuran antara lelaki dan Perempuan disamping keutamaan menjaga adab-adab yang telah digariskan semasa majlis *sama'* dijalankan. Bertitik tolak daripada perkara ini, amalan *sama'* mempunyai kepentingannya terhadap pembinaan sosiologi masyarakat yang menekankan pada penyucian jiwa yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT sekaligus membentuk komuniti yang berlandaskan ketaatan kepadaNya. Seterusnya, nilai-nilai tasawuf juga dapat diintegrasikan dalam struktur sosial yang boleh mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain.

Penghargaan

Artikel ini ditaja menggunakan geran Tier 1 (Q458). Penghargaan buat semua penulis dalam penyempurnaan artikel ini.

Sumbangan Pengarang

Abdul Kadir, N. R., mengumpul dan penyusunan data berkenaan konsep *sama'* dalam tasawuf. Abd Rahman, M. F., metodologi dan penulisan dalam mengolah data yang telah dikumpulkan berkenaan dengan analisis konsep *sama'* serta kepentingannya dalam pembinaan sosiologi masyarakat. Seterusnya, Sahimi, M. S., membuat semakan, penilaian dan pembentangan bagi analisis keseluruhan artikel.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Abdul Hayy Al-Kattani. (t.t) *Risalah Fi Mashyruyah al-Zikr Bi Ruqas Wa Ijma'* Turuq Sufiyah ala Dzalik
- Abdul Qadir Isa. (2010). *Hakekat Tasawuf*. Jakarta: Qisthi Press
- Abdul Samad al-Falimbani. (t.t). *Siyarus Salikin*. Juzuk 2. t.t.p: Percetakan Ma'arif Sendirian Berhad
- Ab. Majid, M. K. (1996). Sosiologi Islam: Suatu Pengenalan. *Jurnal Usuluddin*, 3, 103–114. <https://jice.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/2981>
- Ahmad bin Muhammad al-Sowi. (2010). *Hasyiah al-Sowi*. Kaherah: Darul Ghad al-Jadid
- Al-Fakhrurazi. (1995). *Mafatihul al-Ghaib Tafsir Kabir*. Beirut: Darul Kutub Ilmiah
- Al-Ghazali. (2015). *Kimia Kebahagiaan*. Bandar Baru Bangi: Pelima Media Sdn.Bhd
- Al-Ghazali. (t.t). *Ihya Ulumuddin*. t.t.p: Maktabah Fayyad
- Al-munawwarah, M. T. (2014, Oktober 16). Pembacaan Maulid Nabi Muhammad SAW Tarim Hadramaut. <https://www.youtube.com/watch?v=rjcHa5TnDJQ>.
- Al-Nawawi. (1997). *Minhaj Syarah Jami' Sahih*. Juzuk 5 Damsyik: Darul Ulum Insaniah
- Al-Qusyairi. (2011). *Risalah al-Qusyairiah*. Jakarta: Darul Kutub Ilmiah
- Al-Suyuthi. (2010). *Hawi al-Fatawi*. Juzuk 2. Beirut: Darul Kutub Ilmiah
- Bayan Linnas. (2015). *Penjelasan berhubung hukum zikir menari*, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <http://www.muftiwp.gov.my>
- Husen, F. (2021). Sumbangan Institusi Pendidikan Islam Dalam Menghadapi Perubahan Kehidupan Sosial Masyarakat Pada Masa Covid-19. *Human Sustainability Procedia*, 1(2), 42-49.
- Ibnu Ajibah. (2000). *Futuhat Ilahiyah*. Beirut: Darul Kutub Ilmiah.
- Ibnu Hajar al-Haitami. (2014). *Fatawa al-Hadisiyah*. Beirut: Darul Kutub Ilmiah.
- Imam al-Tirmidhi. (2011). *Sunan al-Tirmidhi, Kitab Adab, Bab Ma Ja'a Inna Min Syi'ri Hikmah Da'wata al-Muslim Mustajaba*, hadith 2844. Beirut: Darul Kutub Ilmiah, h.662.
- Imam al-Tirmidhi. (2011). *Sunan al-Tirmidhi, Kitab Adab, Bab Ma Ja'a Inna Min Syi'ri Hikmah Da'wata al-Muslim Mustajaba*, hadith 2847. Beirut: Darul Kutub Ilmiah, h.663.
- Jabatan Mufti Negeri Sembilan. (2007). *Tarian Nyanyian dan As-Sima*. Seremban: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Khalid, O., Syukri, M., Munir, B., Awang, H. S., Abdul Halim, M. & Hanafi, A. (2014). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dawama Sendirian Berhad.
- Maktabah Sahab Salafiah. (22 Oktober 2004) *Hukm al-Ghina' al-Sufi wa al-Anasyid al-Islamiyyah*, Diakses daripada: <https://www.sahab.net/forums/index.php?app=forums&module=forums&controller=topic&id=49880>. Diakses pada 4 Ogos 2024.
- Malaysia, P. T. (2017, Oktober 1). 1st World Sama' Fest 2017. Diakses daripada Youtube: https://www.youtube.com/watch?v=HsAw_o6vHdY
- Muslim, (1997). *Sahih Muslim, juzuk 5, Kitab al-Syi'ri*, hadith 2259. Damsyik: Darul Ulum Insaniah, h. 2269.

- Sayyid Ibn Idris bin Sayyid al-Hassan al-Idrisi. (2002). *Al Ruqas wa al-Ghana' wa al-Sama' inda al-Thuruq al-Shufiyyah*. Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tariqat Tasawwuf Negeri Sembilan. Seremban.
- Syeikh Haji Abdul Raof bin Nurin. (t.t). *Secebis Perbahasan Zikir Hadrah*. <http://pondoktampin.blogspot.com/2015/04/secebis-perbahasan-zikir-hadrah.html>.